

Kementerian baru dalam kabinet Dr. M

Untuk selaraskan pembangunan

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Rabu.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka menubuhkan sebuah kementerian baru — Kementerian Pembangunan Negara — dalam rombakan kabinet yang diumumkan Isnin depan.

Kementerian tersebut yang akan menyelaraskan kegiatan semua kementerian, dijangka dipegang oleh Datuk Musa Hitam yang juga akan dilantik Timbalan Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri esok dijangka mengekalkan jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Sumber-sumber yang rapat dengan Kerajaan memberitahu, portfolio Menteri Pelajaran akan diambilalih oleh Naib Presiden UMNO yang baru, Tengku Ahmad Rithauddeen yang kini menjadi Menteri Luar.

Amambiliah

Portfolio Menteri Luar akan diambil alih oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hasbim dan tempatnya diganti oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Abdullah Ahmad.

Menitri yang dijangka kekal dengan portfolio masing-masing ialah Tan Sri Raseleigh Hamzah (Kewangan) Datuk Manan Othman (Pertanian), Datuk Seri Bhariff Ahmad (Tanah dan Wilayah), Tan Sri Ghazali Shafie (Dalam Negeri), Datin Paduka Aishah Ghani (Kebajikan Am) dan Datin Paduka Rafidah Aziz (Perusahaan Awam).

Dua Timbalan Menteri dijangka dilantik menjadi menteri penuh manakala dua Setiausaha Parlimen menjadi Timbalan Menteri.

Dua lagi ahli Parlimen seorang dari Sarawak akan dilantik menjadi Setiausaha Parlimen.

Dua yang akan menjadi menteri penuh ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Abdullah Ahmad dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Saauji Jund.

Dua Setiausaha Parlimen pula ialah Encik Rahim bin Thamby Chik dari Melaka dan Encik Idris Rauf dari Perak.

Kedua mereka merupakan wakil tunggal dari negeri masing-masing.

Encik Idris Rauf dijangka akan menjadi Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, manakala Encik Rahim pula menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Timbalan-Timbalan Menteri yang ditukarkan kementerian pula ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abu Hassan Omar berpindah ke Kementerian Pengangkutan, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Najib Tun Abdul Razak ke Kementerian Kewangan.

Datuk Shahrir Samad pula berpindah dari Kementerian Kewangan ke Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Manakala Timbalan Menteri Pengangkutan, Dr. Goh Cheng Teik pula akan berpindah ke Jabatan Perdana Menteri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia